

TAKAFULINK DANA BON

All information as at 31 May 2020 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mei 2020 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Bon aims to provide medium to long term accumulation of capital by investing in selected approved securities. Suitable for participants with low to moderate risk horizon and medium to long term investment horizon.


Takafulink Dana Bon bertujuan untuk memberi pengumpulan dana dalam jangka masa sederhana ke panjang melalui pelaburan di dalam sekuriti Shariah yang diluluskan. Untuk para peserta yang inginkan risiko rendah ke sederhana dan ingin melabur di dalam jangka masa sederhana ke panjang.

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

| | |
|---|--|
| Investment Manager / Pengurus Pelaburan | Eastspring al-Wara' Investments Berhad |
| Inception Date / Tarikh Diterbitkan | 01/12/2006 |
| Current Fund Size / Saiz Dana Terkini | RM177,558,949.74 |
| Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan | 0.50% per annum |
| Current NAV / NAB Terkini | RM1.78551 |

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Bon Vs. 12 MTH MBB Islamic Term
Deposit Rate



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

| | 1 month | 3 months | 6 months | 1 year | 3 years | 5 years | Since Inception |
|-------------------------------------|---------|----------|----------|--------|---------|---------|-----------------|
| Price Movement / Pergerakan Harga | 0.65% | 0.01% | 4.19% | 7.56% | 18.85% | 28.92% | 78.50% |
| Benchmark / Penanda Aras | 0.18% | 0.61% | 1.35% | 2.91% | 9.72% | 16.92% | 47.24% |
| Outperformance / Perbezaan Prestasi | 0.47% | -0.60% | 2.84% | 4.65% | 9.13% | 12.00% | 31.26% |

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset

| | % NAV |
|---------------------------|-------|
| 1 Corporate | 45.92 |
| 2 Quasi-Government | 34.63 |
| 3 Government | 17.31 |
| 4 Cash, Deposits & Others | 2.14 |

Takafulink Dana Bon Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

| | % |
|-----------------------------|------|
| 1 Malaysia Investmnt Issu | 9.28 |
| 2 YTL Power International | 6.15 |
| 3 Prasarana Malaysia Berhad | 5.15 |
| 4 Malaysia Investmnt | 3.61 |
| 5 Danainfra Nasional* | 3.35 |
| 6 Perbadanan Tabung Pendid | 3.26 |
| 7 Danainfra Nasional* | 3.13 |
| 8 Danainfra Nasional* | 3.10 |
| 9 Lembaga Pembiayaan Peru | 3.09 |
| 10 Danainfra Nasional* | 3.01 |

* Different coupon rates & maturity dates for each.

TAKAFULINK DANA BON

All information as at 31 May 2020 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mei 2020 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Fixed Income

Domestically, Bank Negara Malaysia ("BNM") lowered the Overnight Policy Rate ("OPR") from 2.50% to 2.00%, the third consecutive cut for the year, bringing the OPR to its lowest level since 2009. In the monetary policy statement, BNM highlighted that the global economic conditions have weakened significantly and the measures to contain the Covid-19 pandemic have disrupted most economic activities. BNM also announced that financial institutions may use MGS and GII to meet statutory reserve requirements ("SRR") from 16 May 2020 until 31 May 2021 which is expected to release around MYR 16 billion of liquidity into the banking system. BNM's monetary policy direction for 2H2020 is broadly expected to be data-dependent given the uncertainties surrounding the Covid-19's impact on the domestic economic activities.

April 2020's headline inflation declined by 2.9% YoY, lower than March 2020's reading of -0.2% YoY, primarily due to a higher contraction in Transport, -21.5% YoY (Mar: -8.9%). Meanwhile, core inflation was unchanged at 1.3% YoY (Mar: 1.3% YoY).

Malaysia sovereign bond yield curve steepened in May 2020 with 3-years, 5-years, 10-years and 15-years MGS yields closed -13bps, -4bps, -9bps and +9bps at 2.27%, 2.47%, 2.80% and 3.17% respectively. The mixed yield movement reflected the short-end buying interests from both local and foreign investors, while the longer-end was pressured by profit taking activities following the bond rally in the previous month. Similarly, MGII yield curve steepened during the month, as 3-years, 5-years, 10-years and 15-years GII yields closed -15bps, -11bps, -14bps and +9bps at 2.32%, 2.47%, 2.70% and 3.24%, respectively.

Fund Review & Strategy

The Fund returned 0.65% for the month, outperforming the benchmark return of 0.18% by 0.47%. Year-to-date, the fund returned 3.96%, outperforming the benchmark return of 1.08% by 2.88%.

The outperformance in the month was attributed to the fund's investments in sukuk for yield pick-up, which returned higher than the 12-month fixed deposit rate. The main contributors for the outperformance were long-dated GG and AAA corporate sukuk which saw yield decrease during the month.

Market remains volatile, albeit at a lesser degree, we continue to look for trading opportunities in these volatile times. Domestic bond yields would be supported by expectations of weaker economic growth, lower inflation outlook and loosening global and domestic monetary policies, exacerbated by the COVID-19 pandemic.

We prefer good quality and more liquid sukuk such as government sukuk, GGs and AAAs to manage fund liquidity and credit risk, and are selective on lower rated credits as the economic slowdown may put pressure on corporate's credit metrics. We would prefer sectors with inelastic demand over cyclical sectors until we have more clarity on the bottom of the economic downturn. In terms of duration, we prefer medium term sukuk.

Pendapatan Tetap

Di dalam negara, BNM menurunkan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") dari 2.50% kepada 2.00%, penurunan yang ketiga berturut-turut bagi tahun ini, menjadikan OPR berada pada tahap paling rendah sejak 2009. Dalam pernyataan dasar monetari, BNM menekankan bahawa keadaan ekonomi global telah merosot dengan ketara dan langkah-langkah untuk membendung pandemik Covid-19 telah mengganggu hampir keseluruhan aktiviti ekonomi. BNM juga mengumumkan bahawa institusi kewangan boleh menggunakan MGS dan GII untuk memenuhi syarat nisbah keperluan rizab berkanun ("SRR") mulai 16 Mei 2020 hingga 31 Mei 2021 yang diharapkan dapat mengalirkan sekitar MYR16 bilion kecairan ke dalam sistem perbankan. Hala tuju dasar monetari BNM untuk setengah tahun kedua (2H) 2020 secara umumnya dijangkakan akan bergantung kepada data memandangkan ketidakpastian yang mengitari impak Covid-19 terhadap aktiviti ekonomi domestik.

Inflasi utama April 2020 menguncup 2.9% tahun ke tahun (YoY), lebih rendah daripada bacaan Mac 2020 iaitu -0.2% YoY khususnya, disebabkan oleh Pengangkutan yang semakin menguncup iaitu -21.5% YoY (Mac: -8.9%). Sementara itu, inflasi teras tidak berubah pada 1.3% YoY (Mac: 1.3% YoY).

Keluk hasil bon kerajaan Malaysia semakin mencuram pada Mei 2020 dengan hasil MGS 3-tahun, 5-tahun, 10-tahun dan 15-tahun masing-masing ditutup dengan -13bps, -4bps, -9bps, dan +9bps pada 2.27%, 2.47%, 2.80% dan 3.17%. Pergerakan hasil yang bercampur-campur mencerminkan minat belian jangka pendek sama ada pelabur tempatan mahupun asing, sementara jangka lebih panjang ditekan oleh aktiviti pengambilan untung berikutan kenaikan bon pada bulan sebelumnya. Begitu juga, keluk hasil MGII tambah mencuram pada bulan tersebut, kerana hasil GII 3-tahun, 5-tahun, 10-tahun dan 15-tahun masing-masing ditutup dengan -15bps, -11bps, -14bps dan +9bps pada 2.32%, 2.47%, 2.70% dan 3.24%.

Tinjauan dan Strategi Dana

Dana menjana pulangan 0.65% untuk bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras 0.18% sebanyak 0.47%. Sejak awal tahun hingga kini, Dana memulangkan 3.96%, mengatasi pulangan penanda aras 1.08% sebanyak 2.88%.

Pencapaian yang lebih tinggi pada bulan tersebut disebabkan oleh pelaburan Dana dalam sukuk untuk meningkatkan hasil, yang memberikan pulangan lebih tinggi daripada kadar simpanan tetap 12 bulan. Penyumbang utama kepada prestasi yang baik ini adalah sukuk korporat GG dan AAA berjangka jauh lebih panjang yang mengalami penyusutan hasil pada bulan tersebut.

Pasaran masih tidak ketentuan, walaupun pada tahap yang lebih rendah, kami terus mencari peluang berdagang pada masa yang tidak stabil ini. Hasil bon domestik akan disokong oleh jangkakan pertumbuhan ekonomi yang lebih lemah, prospek inflasi yang lebih rendah dan dasar monetari global dan domestik yang lebih longgar, yang diburukkan lagi oleh pandemik COVID-19.

Kami lebih menyukai sukuk yang berkualiti baik dan lebih cair seperti sukuk kerajaan, GG dan AAA untuk menguruskan kecairan Dana dan risiko kredit, dan selektif terhadap kredit bertaraf lebih rendah berikutan kelembapan ekonomi boleh memberi tekanan pada metrik kredit korporat. Kami lebih cenderung kepada sektor dengan permintaan yang tidak elastik berbanding sektor kitaran sehingga kami mendapat lebih banyak kejelasan tentang paras dasar kemerosotan ekonomi. Dari segi jangka masa, kami lebih suka sukuk jangka sederhana.

Source / Sumber: Fund Commentary, May 2020, Eastspring Investments Berhad

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

TAKAFULINK DANA BON

All information as at 31 May 2020 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mei 2020 melainkan jika dinyatakan

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL